

ACH - 8491
INVC..... 16/9/99

KESAN PERUBAHAN SOSIAL TERHADAP HUKUM ISLAM

MUHAMMAD FIRDAUS

Tesis Ini Untuk Memenuhi Keperluan Ijazah Doktor Falsafah di Jabatan
Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A508675376

ABSTRAK

Tesis ini bertajuk **Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam**. Ia bertolak daripada suatu andaian bahawa hukum Syarak itu dapat berubah sesuai dengan perkembangan fakta-fakta sosial.

Untuk mencapai natijah akademik yang munasabah, tesis ini membuat pemeriksaan terhadap asas-asas metodologi *istinbāt* dalam disiplin ilmu Usul Fiqh. Kajian kemudian diteruskan dengan membuat penyelidikan terhadap kes-kes hukum yang dikembangkan pada zaman Nabi, sahabat sehingga ke zaman Imam mujtahidin, dan masa kini.

Pada peringkat asas metodologi, tesis ini memperolehi beberapa penemuan. Di antaranya, interaksi antara *khitāb* Allah s.w.t. dan aktiviti individu dan masyarakat diperakui oleh Syariah. *Maṣlahah* dan keadilan adalah matlamat tertinggi hukum Islam. Sifat semula jadi *nuṣūṣ* wahyu, sama ada al-Qur'an atau al-Sunnah memberi ruangan yang mencukupi bagi perkembangan pemahaman dan pengalaman masyarakat di setiap tahap sejarah. Oleh itu, Syariah bersifat abadi dan mutlak. Sedangkan pada peringkat pelaksanaannya, data-data perhukuman zaman Nabi, sahabat sehingga mujtahidin dan zaman moden memberikan bukti-bukti yang kukuh mengenai adanya kesan perkembangan persekitaran sosial terhadap penetapan hukum-hukum Syarak. Jenis-jenis hukum itu mencakupi masalah-masalah sosio-politik, sosio-budaya, ekonomi, hukum keluarga, dan bahkan hukum ibadah.

Akhirnya, tesis ini mencadangkan pentingnya pengembangan hukum Islam yang bersifat semasa dan tempatan yang menjunjung tinggi keadilan dan kemaslahatan yang sebenar.

ABSTRACT

The title of the thesis is **The Impact of Social Changes on Islamic Laws**. Its basic assumption is that Islamic laws change in accordance with the dynamics of social facts.

To achieve appropriate academic results, the thesis has examined the methodological principles of *istinbāt* in Usul Fiqh. Further, the research has dealt extensively with legal cases developed in the era of the Prophet, his Companions and during the period of four Great Imams, and in the modern time.

On the methodological level, the research has discovered the following findings: Interaction between the *khiṭāb* of Allah and individual as well as societal activities is deeply-rooted within the Shari'ah. *Maslahah* and justice are the loftiest goals of the Islamic legal philosophy. In addition, the natural character of the texts (*nusūṣ*) of revelation i.e. al-Qur'an and al-Sunnah provides sufficient venues for all kind of development of human mind and experiences in every stage of history. Therefore, shari'ah is eternal and absolute. On the level of implementation, legal data from the time of the Prophet, his Companions, the Imams as well as in the modern era, have clearly established valid evidence of the impact of social environment on Islamic laws. The category of laws encompasses socio-political cases, socio-cultural, economic, family issues and even issues related to '*ibādah*.

Finally, the thesis recommends the need for developing localized Islamic laws which take time and space elements into consideration and uphold firmly the real *maslahah* and justice of the society.

PENGHARGAAN

Puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadirat Allah s.w.t. yang telah mengajarkan kepada manusia apa-apa yang tidak diketahuinya. Selawat dan salam untuk junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w., para sahabat Baginda dan mereka yang mengikuti jejak langkahnya.

Dalam kesempatan ini saya mesti merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan menyampaikan rasa terima kasih kepada Yang Berbahagia, Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid selaku Penyelia tesis, serta Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, yang telah berkenan melapangkan masa untuk menyelia tesis ini. Tunjuk ajar dan bimbingan akademik yang diberikan oleh beliau sungguh sangat bererti. Kesabaran dan ketinggian budi bahasa yang beliau tunjukkan di sepanjang penyelidikan ini merupakan contoh dan teladan mengenai sikap seorang intelektual yang arif, bijaksana dan mesra. Saya sangat terhutang budi, bukan hanya dengan idea-idea dan pemikiran cemerlang beliau, namun juga dengan kesabaran dan kemesraannya. Hanya Allah s.w.t jualah yang dapat membala budi dan jasa itu dengan sebaik-baik balasan.

Tidak lupa juga saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada isteri saya, Anif Faizah Bt. K.H. Achmad Mukhtar Ghazali, yang sentiasa memberi dorongan dan semangat. Beliau dengan tabah menempuh banyak kesukaran selama mendampingi pengkaji demi menjayakan penyiapan penyelidikan ini.

Saya juga sangat berterima kasih kepada Cik Rovilna Bt Mohd Said dan Puan Nor Aishah Bt Ahmad yang telah membantu dalam proses penaipan tesis ini.

Akhirnya, saya juga mengucapkan banyak terima kasih kepada kakitangan akademik dan pentadbiran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, khususnya Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, di atas segala bantuan yang diberikan. Juga, kepada pegawai perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, yang telah banyak membantu memberi buku rujukan dan maklumat yang diperlukan. Tidak lupa kepada keluarga saya yang sentiasa memberi galakan dan sokongan moral, serta para sahabat dan semua pihak yang telah memberi bantuan saya ucapkan banyak terima kasih. Saya sedar tanpa sokongan dan bantuan mereka, tesis ini sukar disempurnakan. Kepada mereka semuanya, semoga Allah s.w.t. memberi pahala yang melimpah. Amin.

DEDIKASI

Kuabadikan

Untuk Ummi, Ibu Nyai Musolliyah H. Syukri

*Belaian kasih sayangmu yang tulus itu telah mengajarku erti ketabahan dan kejujuran...
Ummi telah menghantar anakanda ke jalan kebijaksanaan.*

Untuk Aba, K.H. Nurul Huda Ma'sum

*Betapa bermaknanya keazaman dan semangat mencari ilmu yang telah engkau
tanamkan semenjak aku kecil.*

Untuk isteriku, Anif Faizah Bt. K.H. Achmad Mukhtar Ghazali

Sungguh banyak jasa dan pengorbananmu. Aku akan sentiasa mengingatinya.

Untuk anak-anakku, Azzam Muhammad dan Farah Syahida

Harapan Ayah, apabila besar nanti teruskanlah perjuangan mulia para ulama

KAEDAH TRANSLITERASI

1. Konsonan

HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k

HURUF ARAB

ج

م

ن

و

ه

ء

ي

ة

HURUF RUMI

l

m

n

w, u

h

,

i, y

h

2. Vokal

a. Pendek

— a

— i

, — u

b. Panjang

— ā

— ī

, — ū

c. Diftong

أي — ay

او — aw

Catatan

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan tidak ditransliterasikan seperti Syarak, Syariah dan al-Qur'an.

DAFTAR ISI

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
DEDIKASI	v
KAEDAH TRANSLITERASI	vi
DAFTAR ISI	viii

PENDAHULUAN		1-17
1.	PERMASALAHAN KAJIAN	3
2.	HIPOTESIS KAJIAN	5
3.	OBJEKTIF KAJIAN	7
4.	SKOP KAJIAN	7
5.	PEMBATASAN KAJIAN	8
6.	KEPENTINGAN KAJIAN	9
7.	MANFAAT DAN KEGUNAAN KAJIAN	9
8.	KAJIAN-KAJIAN LEPAS	10

TEORI PERUBAHAN SOSIAL DAN FAKTOR PEMIKIRAN KEAGAMAAN

1.1	TAKRIF PERUBAHAN SOSIAL: PEMBATASAN PENGERTIAN	19
1.2	ANTARA PERUBAHAN SOSIAL DAN PERUBAHAN KEBUDAYAAN	23
1.3	TEORI DETERMINISME DALAM PERKEMBANGAN MASYARAKAT	27
1.3.1	Ibn Khaldun	28
1.3.2	Pitirim Sorokin	32
1.3.3	Malek Ben Nabi	41
1.3.4	Penilaian Terhadap Idea Determinisme Edaran	50
1.4	PERANAN PEMIKIRAN KEAGAMAAN DALAM PERKEMBANGAN SOSIAL	54
1.4.1	Persekutaran Geografi	55
1.4.2	Cabaran dan Respon	59
1.4.3	Persekutaran Sosio-Ekonomi	61
1.5	FAKTOR UTAMA: PEMIKIRAN KEAGAMAAN	65

**METODOLOGI USUL FIQH DAN KONSEP
PERUBAHAN HUKUM SYARAK**

2.1	PENDAHULUAN	81
2.2	PENJELASAN MENGENAI SYARIAH	82
2.3	ASAS AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH TENTANG KONSEP <i>'AZIMAH DAN RUKHSAH</i>	91
2.3.1	<i>'Azimah dan Rukhsah</i>	92
2.3.2	Analisa Atas Konsep <i>'Azimah</i> dan <i>Rukhsah</i> dan Pelaksanaan Hukum yang Bersyarat	94
2.4	<i>QIYĀS DAN TA'LĪL</i>	101
2.4.1	Hakikat dan Mekanisme Qiyyas	101
2.4.2	<i>Ta'līl</i> : Usaha Penemuan Sebab di Sebalik Hukum	105
2.5	<i>MAQĀSID AL-SHARI'AH</i> (OBJEKTIF SYARIAH): ANTARA WAHYU DAN FAKTA INSANI	115
2.5.1	Unsur Wahyu dan Fakta Sosial Dalam <i>Maqāsid al-Shari'ah</i>	115
2.5.2	Kepastian <i>Maqāsid al-Shari'ah</i>	121
2.6	DINAMIKA <i>MASLAHAH</i> DAN KEADILAN	125
2.6.1	<i>Maslahah</i> dan <i>Nuṣūṣ</i> Wahyu	125
2.6.2	<i>Masālih Mursalah</i> : Analisa Kritis	133
2.6.3	<i>Maslahah</i> dan Pelaksanaan Hukum Syarak: Tinjauan Ringkas	140
2.6.4	Dinamika <i>Maslahah</i>	144

2.7	AL-'URF SEBAGAI PERTIMBANGAN IJTIHAD	152
2.8	KESAN PERKEMBANGAN MASYARAKAT TERHADAP PEMAHAMAN	164
2.8.1	Sifat Semula jadi <i>Nuṣūṣ</i> Syariah	165
2.8.2	Masyarakat dan <i>Dalālāt al-Alfāz</i>	186
2.8.2.1	Konsep <i>al-Bayān</i> dalam Usul Fiqh	186
2.8.2.2	Pengaruh Masyarakat	194
2.8.2.3	Dukungan Ilmu Bahasa	200
2.8.2.4	<i>Nuṣūṣ</i> Syariah dan Persekitaran Sosio-Budaya	205

**PERUBAHAN HUKUM PADA MASA SAHABAT
SEHINGGA IMAM MUJTAHID**

3.1 SOSIO-POLITIK	214
3.1.1 Larangan Pelaksanaan Hukum Hudud Pada Masa Peperangan	214
3.1.2 Ketua Kerajaan Itu Daripada Puak Quraisy	216
3.1.3 Persoalan Orang-orang Mu'allaf	220
3.1.4 Pengagihan Tanah Rampasan Perang	223
3.1.5 Larangan Membawa <i>Mushaf</i> ke Negara Bukan Islam	230
3.2 SOSIO-EKONOMI	232
3.2.1 Penerokaan Tanah Terbiar (<i>Ihyā' al Mawāt</i>)	232
3.2.2 Bahagian Zakat Untuk Bani Hasyim	236
3.2.3 Ukuran Penilaian Ekonomi Masyarakat: Kes Nisab Kambing Ternak	238
3.2.4 Zakat Kuda	240
3.2.5 Kadar Bayaran Jizyah	244
3.2.6 Pembatalan Pelaksanaan Hukum Hudud Pada Masa Krisis Ekonomi	246
3.2.7 Zakat Jenis Hasil Pertanian	250
3.2.8 Kadar Bayaran Zakat Fitrah	253
3.2.9 Pembayaran Zakat Fitrah Dengan Nilai Wang	255
3.2.10 Pembayaran <i>Diyat</i> (Denda) dengan Wang	258
3.2.11 Penetapan Harga Oleh Kerajaan	261

3.3 SOSIO-BUDAYA	266
3.3.1 Azan Kedua pada Waktu Solat Jumaat	266
3.3.2 Solat <i>Qasar</i> di Mina pada Masa Melakukan Haji	267
3.3.3 Membaca Fatihah Dalam Bahasa Farsi	270
3.3.4 Penetapan Ukuran Berat Mengikut 'Urf	274
3.3.5 Puasa Enam Hari Pada Bulan Syawal	276
3.3.6 Masa Membayar Zakat Fitrah	277
3.3.7 Wanita Musafir Tanpa Muhrim	280
3.3.8 Larangan Terhadap Pelaksanaan Haji <i>Tamattu'</i>	281
3.3.9 Menyusukan Anak Bagi Wanita Bangsawan	285
3.3.10 Penghimpunan al-Qur'an Dalam Bentuk Suatu Kitab (<i>al-Mushaf</i>)	287
3.3.11 Pembukuan al-Sunnah	291
3.3.12 Perubahan Pengertian <i>al-'Aqilah</i> (Orang-Orang yang Harus Menanggung Beban Pembayaran <i>diyat</i>)	294
3.3.13 Cara Hidup Penguasa Kerajaan	296
3.3.14 Hukuman Pengasingan (<i>al-Taghrib</i>) Bagi Penzina Bukan <i>Muhsin</i>	297
3.4 PERUBAHAN NILAI-NILAI SOSIAL	299
3.4.1 Masalah Talak Tiga (<i>Bā'in</i>)	299
3.4.2 Wanita Pergi ke Masjid	301
3.4.3 Menggunakan Tanah Milik Orang Lain	304
3.4.4 Wajib Membayar Ganti Rugi Tenaga Profesional (<i>Damān</i>)	306
3.4.5 Unta Tanpa Tuan	307
3.4.6 Kesaksian Anggota Keluarga Sendiri di Mahkamah	310
3.4.7 Keadilan Secara Zahiriah Dalam Kesaksian	312
3.4.8 Upah Bayaran Guru Mengajar al-Qur'an	314
3.4.9 Taubatnya Seorang Perompak (<i>Talassus, Muḥārib</i>)	317
3.4.10 Hukum Jenayah Minum Arak	319

PENILAIAN TERHADAP HUKUM ISLAM SEMASA

4.1	HUKUM IBADAH	327
4.2	HUKUM KELUARGA	350
4.3	HUKUM EKONOMI	374

PENUTUP **407-420**

Pelaksanaan <i>Tashri</i> : Dari Sejarah Hingga ke Masa Kini	412
Perubahan Sosial Sebagai Faktor Penetapan Hukum	414
Keperluan Terhadap Pengembangan	418

BIBLIOGRAFI **422- 439**

Bahasa Melayu	422
Bahasa Arab	423
Bahasa Inggeris	436
Majalah dan Akhbar	438
Wawancara	439

PENDAHULUAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

Hukum Syarak sentiasa bersesuaian dengan zaman. Penegasan ini selain mengandungi erti bahawa hubungkait antara Syariah dengan masyarakat itu sangat erat, ia juga menunjuk secara langsung berlakunya interaksi positif antara nilai-nilai wahyu Ilahi dan faktor kemanusiaan. Letak paksi di mana proses pembuatan hukum itu bergerak sememangnya ada pada hakikat al-Qur'an dan al-Sunnah. Walaupun demikian, penafsiran dan pelaksanaan nilai-nilai wahyu itu juga merangkumi pelbagai pertimbangan dan perhatian terhadap realiti-realiti sebenar dalam sesebuah masyarakat.

Penjelasan ini diakui sebagai natijah yang bersifat umum dan masih memerlukan banyak pembuktian, perdebatan dan pemeriksaan sebelum mencapai kesimpulan akademik yang meyakinkan. Bahkan upaya kesarjanaan mengenai masalah yang kebelakangan ini jauh lebih penting daripada kaedah umum tersebut. Ini kerana keadaan tidak berupaya, terpinggirkan dan jumud yang berlaku pada sebahagian hukum Syarak sekarang ini terutamanya bukan diakibatkan oleh ketidakyakinan masyarakat terhadap kesesuaian Syariah dengan dunia moden, tetapi disebabkan institusi perhukuman itu sendiri yang masih bertahan membela hasil-hasil ijтиhad lama yang telah usang dan terasing daripada kehidupan masyarakat. Akibatnya, kaedah umum itu sahaja tidak mampu mengatasi konflik antara keyakinan terhadap Syariah dan realiti penolakan masyarakat terhadap hukum-hakamnya dalam kehidupan nyata.

Kebenaran al-Qur'an dan al-Sunnah adalah persoalan akidah yang sangat terutama. Seluruh umat Islam beriman akan kesahihannya. Namun apabila sudah berbincang soal hukum yang berasaskan kepada kedua-dua sumber tertinggi *tashri'* itu, majoriti negara-negara Muslim tidak menunjukkan iltizam yang dituntut oleh akidah tersebut. Konflik tidak dapat dielakkan. Ertinya, pada paras pelaksanaan terhadap keyakinan kaedah umum di atas tidak menemukan pijakannya yang nyata.

Hakikat ini perlu dicari akar persoalannya. Ada dua perkara penting yang perlu digarisbawahi sebelum usaha pencarian itu dimulakan. Pertama, lembaga perhukuman terkongkong dalam rangka metodologi dan pendekatan perundangan lama dengan mempertahan hukum-hakam dan fatwa-fatwa zaman silam tanpa memberi ruangan bererti bagi perkembangan selanjutnya. Kedua, hukum-hakam Syarak telah dibatasi oleh sistem bermazhab secara ketat, standard, dan berlaku umum. Mazhab Syafi'i, misalnya, yang mula-mula dikembangkan di tanah Hijaz dan Mesir pada abad ke dua hijriyah, juga diterimakai dan dianut oleh masyarakat Islam Iraq dan Asia Tenggara hingga ke hari ini. Demikian pula dengan mazhab-mazhab Hanafi, Hanbali dan Maliki. Kitab-kitab rujukan mereka yang dipakai sebagai dasar pertimbangan penetapan hukum-hakam di pelbagai kawasan di dunia juga menunjukkan kecenderungan yang sama. *Kutub al-turāth* yang dikembangkan puluhan abad lalu di pelbagai kawasan dunia Islam masih tetap dipertahankan. Pendekatan perhukuman Islam cenderung bersifat abadi dan universal.

Natijah berikutnya, pendekatan seperti itu kurang memberi peluang bagi berkembang-tumbuhnya hukum Syarak yang lentur dan memahami persekitaran sosialnya. Suatu kes hukum yang berlaku di alam Melayu mesti dicari jawabannya dalam kitab rujukan atau pendekatan hukum yang dipakai di dunia Islam kawasan Asia Barat. Perbezaan latar

belakang sosio-budaya, sosio-politik dan ekonomi tidak mendapat perhatian memadai sebagai pertimbangan penetapan hukum. Akibatnya keadilan dan *maslahah* yang menjadi cita-cita tertinggi sesuatu hukum sering kali tidak boleh dicapai.

Inilah yang menjadi salah satu faktor utama berlakunya keterasingan hukum Syarak daripada realiti kehidupan masyarakat. Keadaan ini mencipta persekitaran yang tidak sihat bagi perkembangan hukum Syarak yang aspiratif dan responsif terhadap pelbagai persoalan yang hidup. Oleh itu, pendekatan seperti ini perlu dikaji semula secara lebih menyeluruh dan mendalam.

Tesis ini bertajuk **Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam**. Ia berusaha untuk memberikan jawapan akademik terhadap persoalan di atas dan membuktikan adanya keselarian antara hukum Islam dengan perkembangan realiti sosial. Tesis ini bertolak daripada pelbagai permasalahan utama.

1. PERMASALAHAN KAJIAN

Kecenderungan pendekatan hukum di atas mendorong pengkaji kepada pencarian pokok permasalahan. Tesis ini menggarisbawahi pelbagai permasalahan utama yang dihadapi pengkaji ketika terlibat dengan pemeriksaan terhadap keadaan hukum Syarak sama ada daripada segi metodologi maupun pelaksanaannya. Dalam hal ini sekurang-kurangnya ada lima permasalahan.

1. Hukum Syarak berasas kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Kebenaran keduaduanya sebagai wahyu adalah mutlak, abadi dan universal. Yang menjadi masalah: Apakah semua jenis hukum Syarak itu bersifat abadi dan universal? Atau ada perbezaan antara prinsip-prinsip Syariah seperti keadilan, amanah

dan *maslahah* dengan pelaksanaannya dalam bentuk hukum-hakam, fatwa dan ketetapan undang-undang positif. Yang pertama sememangnya bersifat mutlak, sedangkan yang kedua bersifat terhad.

2. Hukum Syarak daripada segi asasnya juga ada ada yang secara langsung merupakan ketetapan wahyu (*ahkam manṣūs ‘alayhā*) dan ada pula yang merupakan hasil ijtihad (*ahkām ijtihādiyah*). Persoalan yang timbul, apakah semua jenis hukum itu tidak boleh berubah, atau salah satu sahaja yang boleh berubah atau kedua-duanya sekali boleh berubah. Seterusnya, bagaimana perubahan itu berlaku dan apakah asas-asas dan faktor-faktor perubahan itu?
3. Walaupun hukum Syarak itu diyakini satu, bersifat *shumūl* dan mutlak, mengapa berlaku sistem bermazhab dalam pelaksanaannya. Mengingat bahawa mazhab-mazhab itu tumbuh di pelbagai kawasan, maka pertanyaan ini membawa kepada pengkajian terhadap metodologi Syariah, sampai sejauh mana ia memberi ruangan bagi berlakunya perkembangan hukum, dan asas-asas munasabah mengenai perhatian Syariah terhadap fakta-fakta kemasyarakatan. Lebih tegasnya apakah pada peringkat metodologi, perubahan Syariah juga diperakui atau malah sebaliknya. Kalau diperakui tentu hal ini memerlukan pemeriksaan mendalam terhadap persoalan prinsip-prinsip Usul fiqh, *qawā'id fiqhiyah* dan kajian seumpamanya.
4. Akhirnya perlu ditegaskan bahawa penemuan jawapan pada peringkat metodologi terdahulu mungkin tidak kukuh tanpa mengajukan bukti-bukti implementasi yang benar-benar dilakukan oleh para pakar dan institusi hukum

Syarak. Kajian dalam peringkat “pelaksanaan sebenar” ini merupakan permasalahan tersendiri yang perlu dilakukan.

5. Daripada seluruh empat noktah permasalahan di atas, yang menjadi penekanan kepada kajian ini adalah faktor sosio-budaya. Kajian ini perlu menjawab apakah perkembangan sosio-budaya itu boleh mempengaruhi penetapan hukum Syarak? Kalau terbukti boleh, sejauh mana ia boleh berlaku? Jenis keadaan sosial yang bagaimana yang boleh memberi kesan? Semua ini sudah tentu merupakan masalah asas yang perlu dikaji dengan teliti dan hati-hati.

Kajian terhadap metodologi dan pelaksanaan Syariah di atas dengan penekanan khusus terhadap soal perubahan sosial akan menyumbang kepada penjelasan natijah yang kukuh dan menyeluruh. Ini kerana persoalan mendasar hukum Syarak terdiri daripada dua elemen utama: Prinsip asas dan pelaksanaannya; wahyu dan *istinbāt min al-wahyi; nūṣūṣ* dan penafsirannya. Diharapkan, apabila kedua-dua persoalan tersebut “dalam satu isu yang sangat sensitif dan penting” dapat ditemukan jawapannya, maka masalah-masalah lain akan lebih mudah dijelaskan.

2. HIPOTESIS KAJIAN

Keseluruhan kajian dan perbincangan dalam tesis ini diasaskan di atas hipotesis-hipotesis berikut:

1. Hukum Syarak secara keseluruhannya bersifat dinamik. Ia dapat berubah-ubah daripada satu hukum ke hukum yang lain sesuai dengan perubahan sosial yang menjadi persekitarannya.

2. Bukti interaksi antara prinsip wahyu dan realiti masyarakat dapat dicari pada peringkat asas metodologi, al-Qur'an dan al-Sunnah; dan pada peringkat pelaksanaan prinsip itu di sepanjang sejarah *tashri'i*, bermula daripada masa awal kejayaan Islam sehingga ke hari ini.
3. Keadaan sosial pada suatu masa dan kawasan tertentu masing-masing mempunyai ciri pendekatan hukum yang juga berlainan. Persamaan daripada segi sumber asas tidak semestinya melahirkan persamaan penafsiran dan pelaksanaan hukum. Pengaruh faktor sosio-budaya terhadap kedua-duanya cukup kuat. Oleh itu, masing-masing zaman dan kawasan memiliki ciri-ciri perhukuman yang tersendiri.
4. Pada peringkat metodologi yang paling asas, Syariah memperakui kewujudan serta peranan kemaslahatan objektif yang berkembang di dalam masyarakat. Setiap satu masyarakat dalam rangka ruangan dan waktu yang berlainan mempunyai keperluannya sendiri-sendiri. Kepentingan dan kebaikan yang murni serta bebas semacam ini dinilai oleh Syariah sebagai pertimbangan yang perlu diambilkira sebelum menetapkan sebarang hukum.
5. Faktor-faktor di luar Syariah: Perkembangan sosio-budaya, sosio-politik, ekonomi dan bahkan nilai-nilai sosial yang berlaku pada suatu masa di kawasan tertentu cukup menentukan corak hukum Syarak yang dikembangkan.

Kelima-lima hipotesis ini adalah perkiraan akademik yang sudah tentu perlu dibuktikan secara lebih jelas dan terperinci. Tesis ini akan menekankan pengkajian mengenai kesahihan perkiraan di atas.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini sebagai berikut:

1. Untuk melakukan kajian kritikal terhadap pelbagai masalah mengenai perubahan hukum Syarak dan hubungkaitnya dengan masalah sosial.
2. Secara khusus menganalisa hukum-hukum Syarak dalam al-Qur'an, al-Sunnah, *āthār* para sahabat Rasulullah s.a.w. dan ijтиhad para Imam mujtahidin yang boleh membantu kefahaman terhadap konsep perubahan hukum Syarak kerana faktor sosial.
3. Untuk mengkaji kesinambungan kesan perubahan sosial terhadap hukum Syarak di zaman moden.
4. Untuk memperolehi suatu penjelasan mengenai metodologi *istinbāt* dan *tafsīr al-nuṣūs* mengenai perubahan hukum Syarak sehingga perkara ini pada peringkat asas metodologi menjadi jelas.
5. Untuk mengelakkan kesalahfahaman, kekacauan idea dan penyimpangan yang tidak diingini mengenai perubahan hukum Syarak.

4. SKOP KAJIAN

Skop kajian penyelidikan ini dapat dijelaskan sebagai berikut:

1. Konsep umum tentang perubahan hukum Syarak.
2. Kajian tentang sifat semula jadi Syariah yang berkenaan dengan masalah perubahan hukum-hakam.
3. Dasar-dasar metodologi perubahan hukum Syarak mengikut faktor sosial dan perkembangan masyarakat.
4. Perubahan hukum dan fatwa secara kronologi dalam mazhab-mazhab fiqh, ketetapan hukum pada masa-masa awal Syariah dan zaman moden.
5. Pendapat-pendapat para ulama Fiqh, Usul fiqh, *Qawā'id fiqhiyah* dan disiplin ilmu yang relevan.

5. PEMBATASAN KAJIAN

Kajian ini terhad kepada masalah-masalah berikut:

1. Kajian terhadap nilai-nilai keagamaan sebagai faktor perubahan sosial yang terutama.
2. Konsep ijтиhad, *istihsān*, *istiṣlāh*, *siyāsah al-shar'iyyah*, *ta'līl al-ahkām*, *dalīl al-'urf* dan perkembangan *dalālat al-alfāz*.
3. Persoalan *maqāṣid al-Shari'ah* dan *nusūs juz'iyyah* dalam metodologi shariah.
4. Hukum Syarak di dalam Sunnah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat Baginda.

5. Hukum-hakam yang dikembangkan oleh para Imam mujtahidin yang empat: Abu Hanifah, Malik Ibn Anas, Muhammad Ibn Idris al-Syafi'i dan Ahmad Ibn Hanbal.
6. Keputusan-keputusan fatwa dan hukum yang telah ditetapkan oleh institusi Syariah dan Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan Majlis Ulama Indonesia masa kini.

6. KEPENTINGAN KAJIAN

1. Memahami masalah perubahan hukum Syarak secara lebih baik.
2. Mengajukan pembuktian akademik yang jelas mengenai pelaksanaan perubahan hukum Islam sama ada pada peringkat sejarah *tashri'* mahupun realiti yang berkembang masa kini.
3. Menghuraikan asas metodologi yang munasabah yang menjadi dasar kepada perubahan tersebut secara terperinci.
4. Berusaha dengan sungguh-sungguh menemukan alternatif dan memberi sumbangan terhadap ummat dan kemanusiaan, khususnya demi pengembangan kajian dalam bidang Syariah.

7. MANFAAT DAN KEGUNAAN KAJIAN

Manfaat dan kegunaan yang diharapkan daripada kajian ini sebagai berikut:

1. Tesis ini diharapkan menjadi sebahagian daripada rujukan khas bagi para pelajar dan sarjana profesional yang berminat dalam bidang pengajian Syariah.
2. Tesis ini juga diharapkan dapat menjadi pertimbangan penetapan hukum bagi para hakim *shar'i*, peguam *shar'i*, institusi penguatkuasaan dan pengubal undang-undang Syariah dan lembaga-lembaga fatwa di zaman moden ini pada umumnya.
3. Tesis ini diharapkan menjadi suatu langkah bererti ke arah pengkajian tentang hukum Syarak yang sesuai dengan keadaan sosial, cabaran intelektual dan peradaban semasa, yang menyeluruh dan bersepada, sama ada pada peringkat teori metodologi maupun pelaksanaannya.

8. KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Pada asasnya perbincangan mengenai perubahan hukum Syarak ini dapat ditemukan dalam kitab-kitab rujukan *Uṣūl fiqh*, *Qawā'id fiqhiyah* dan *kutub al-furū'* dalam pelbagai mazhab. Di antara kitab-kitab khazanah Syariah (*kutub al-turāth*) yang sangat menonjol membahas perkara ini, *al-Mustasfa min 'Ilm al-Uṣūl* oleh Abī Hāmid al-Ghazālī; terutama di bahagian mukadimahnya; *al-Muwāfaqāt fī 'Usūl al-Shari'ah* oleh Abī Ishaq al-Shātibī; *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-'Anām* oleh Izz al-Dīn Ibn Abd al-Salām; *al-Ashbāh wa al-Naẓā'ir fī al-Furū'* oleh Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī; *I'lām al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alāmiñ* oleh Ibn al-Qayyim al-Jawziyah. Sehubungan dengan ini *al-Muwāfaqāt* karangan al-Shatibi boleh dinilai sebagai rujukan yang paling lengkap dan menyeluruh yang membicarkan soal interaksi antara hukum dan masyarakat. *I'lām al-Muwaqqi'in* karangan Ibn al-Qayyim boleh dianggap sebagai kitab yang paling luas membahas

pelaksanaan dan implementasi perubahan hukum. Bahkan dalam buku itu ada satu bab khas dan panjang mengenai “Perubahan Fatwa Kerana Perubahan Zaman, Tempat, Keadaan, Adat Resam Masyarakat dan Niat”.

Al-Iḥkām fī Tamyiz al-Fatāwā ‘An al-Aḥkām oleh Shihāb al-Dīn al-Qarāfi, adalah di antara kitab-kitab *turāth* yang cukup baik yang secara kreatif menganalisa masalah teori perubahan hukum Syarak. Kitab ini secara khusus mengajukan garis pembezaan metodologi antara fatwa, hukum dan keputusan mahkamah. Usaha ini sangat berguna terutama untuk menegaskan bahawa ada ruangan mencukupi di dalam Syariah untuk membuat perubahan. Namun, buku ini sememangnya bukan ditulis untuk mengkaji hubungan Syariah-masyarakat. Wajar sekali ia tidak mengambilberat soal kesan masalah kemasyarakatan terhadap hukum Syarak.

Pembahasan lama itu diteruskan oleh kajian-kajian semasa. Di antara buku-buku yang berhubungkait dengan isu ini:

1. *Kayfa Nata’āmal ma’ā al-Sunnah* oleh Shaikh Yūsuf al-Qaradāwi. Buku ini sangat baik dan teratur dalam membincangkan metodologi memahami al-Sunnah. Ia mengusulkan agar di dalam memahami al-Sunnah tidak hanya menekankan kepada kefahaman lama, tetapi juga memberi makna baru sesuai dengan perkembangan masyarakat. Namun demikian, seperti terlihat daripada tajuknya, ia hanya terfokus kepada kajian tentang al-Sunnah, penafsiran, pelaksanaan dan kefahaman baru. Selain itu buku ini juga tidak menekankan secara khusus perlunya membina hukum Syarak yang berhubungkait dengan faktor sosio-budaya.

2. *'Awāmil al-Sa'ah wa al-Murūnah fī al-Shā'i'ah al-Islāmiyah*, juga oleh al-Qarādāwī. Pembahasan utama buku ini berusaha menjelaskan elemen-elemen kelenturan Syariah. Al-Qaradawi bukan sahaja dengan tegas menyokong perubahan hukum Syarak, beliau juga berusaha menghuraikan masalah metodologi yang dianggap munasabah. Sungguhpun demikian, beliau tidak menekankan kesan perubahan masyarakat terhadap perubahan hukum-hakam. Al-Qaradawi lebih menekankan kepada kemungkinan perubahan sesebuah ketetapan hukum tanpa menghubungkaitkan dengan fakta-fakta sosial yang menyertai perubahan itu. Juga, beliau tidak mengemukakan kajian perbandingan secara memadai. Lebih jauh lagi, kajian dalam *'Awāmil al-Sa'ah* berdasarkan kes-kes yang dipilih secara rawak di sepanjang perjalanan Syariah dan tidak dihadkan kepada suatu zaman tertentu kerana ia hanya ditulis untuk tujuan pembuktian sahaja. Begitu juga metodologi perubahan hukum tidak dikembangkan secara terperinci dan bersepada dalam bentuknya yang menyokong interaksi hukum Syarak dengan masyarakat.
3. *Ta'līl al-Aḥkām 'Ard wa Tahlíl Li Ṭariqat al-Ta'līl wa Tatawwurātihā fī 'Uṣūr al-Ijtihād wa al-Taqlīd*, oleh Muḥammad Muṣṭafā al-Shalabī. Sumbangan buku ini terhadap perkembangan pembahasan dan kajian tentang *'illat al-hukm* tidak dapat dinafikan. Al-Shalabi dalam buku ini bukan sahaja berjaya meyakinkan berlakunya konsep *ta'līl* di dalam hukum-hakam Syariah, lebih daripada itu beliau turut memperdalam analisa dan menjelaskan pelbagai persoalan mengenai *ta'līl* dengan baik. Barangkali tidak berlebihan sekiranya dikatakan bahawa tulisan ini memperkaya gagasan tentang *'illat al-hukm* yang sentiasa berkembang di sepanjang zaman, sebagai suatu penemuan dan

huraian yang kreatif, mendalam dan sangat membantu penyelidikan mengenai *dalil al-qiyās*. Di samping itu penemuan di atas juga semakin mengukuhkan keyakinan akan berlakunya perubahan hukum Syarak. Walaupun begitu, sesuai dengan penekanan kajiannya, buku ini tidak memberi tumpuan terhadap peranan faktor sosio-budaya, politik dan ekonomi dalam membentuk ketetapan hukum. Oleh itu penyelidikan mengenai perkara ini masih perlu ditulis secara khusus dan terperinci.

4. *Fatwa's of The Council of Indonesian Ulama: A Study of Islamic Legal Thought In Indonesia, 1975-1988*, oleh Mohammad Atho Mudzhar. Kajian yang dilakukan oleh Mudzhar ini sememangnya hanya ditumpukan kepada persoalan fatwa di Indonesia, khususnya oleh Majlis Ulama Indonesia. Bab ketiga kajian ini berupaya menjelaskan dan memeriksa fatwa-fatwa di atas dengan menghuraikan juga faktor persekitaran sosio-budaya, sosio-politik dan ekonomi masyarakat. Analisa kajiannya bersepada dan penyelidikan ini berjaya menemukan hubungkait antara fatwa dan fakta-fakta kemasyarakatan. Sungguhpun demikian, kajian ini tidak memberi tumpuan kepada penyelidikan terhadap kes-kes hukum Syarak pada masa kelahiran dan awal perkembangannya, sehingga garis sejarah Syariah dan masyarakat dapat dikesan sehingga ke masa yang paling awal dalam perjalannya. Kedua, persoalan metodologi tidak dikaji secara khusus dan terperinci dalam suatu bentuk penyelidikan yang bersepada. *The Fatwa's* memang menyentuh istilah metodologi asas seperti *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, namun pembahasannya terhad kepada istilah yang disebut dalam perbincangan hujah asal fatwa. Agaknya kajian ini memang tidak bermaksud membuat penyelidikan seperti

itu. Ketiga, perbandingan teori Usul fiqh, konsep *qawā'id fiqhiyah* dan masalah-masalah lain yang berhubungkait juga tidak mendapat perhatian semestinya. Oleh itu, penyelidikan seumpama ini masih perlu disusuli dengan pembuktian pada peringkat metodologi dan sejarah secara bersepadau dan seimbang.

5. *Al-Thabāt wa al-Shumūl fī al-Shari'at al-Islāmiyah* oleh 'Ābid Ibn Muḥammad al-Sufyānī. Seperti dapat diteka daripada tajuk di atas, kajian ini percaya bahawa hukum Syarak itu bersifat tetap, tidak berubah dan universal. Lebih lanjut ia mengatakan bahawa Syariah tidak sama dengan fiqh. Hukum-hakam fiqh bukanlah Syariah sebenar. Natijahnya jelas, hukum Syarak itu tidak dapat dipengaruhi oleh apa-apa faktor selain daripada bentuk zahir dirinya sendiri, iaitu nas-nas wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah yang bersifat mutlak. Ketetapan hukum Syarak di suatu daerah dan masa tertentu juga munasabah dilaksanakan di kawasan manapun di sepanjang masa. Hukum Syarak itu satu, seragam dan abadi.

Selain itu kajian ini dalam bab dua, fasal tiga bahagian pelaksanaan mengenai sendi-sendi *qiyās* menegaskan bahawa segala bentuk faktor sosio-budaya, latar belakang peradaban dan adat-resam masyarakat itu hampir sama; elemen ruang dan waktu tidak memberi apa-apa kesan kepada perkembangan faktafakta kemasyarakatan dan kebudayaan. Cabaran dan permasalahan seluruh masyarakat dianggap serupa sahaja di sepanjang sejarah. Dalam fasal keempat, kajian ini lebih lanjut mengakui bahawa kemaslahatan objektif itu tidak ada. Penilaian intelektual dan kejernihan minda tidak mampu memahamkan

maslahah dan *mafsadah* sebenar. Jadi, kemaslahatan hakiki manusia itu tidak diperakui sebagai faktor pertimbangan hukum oleh Syariah. Ini kerana metodologi Syariah hanya menganggap pelaksanaan terhadap nas-nas wahyu murni sebagai hakikat *maslahah*. Sudah tentu kajian ini akhirnya mengajukan gagasan tentang undang-undang Syariah yang tetap, universal dan selamalamanya.

Pengamatan lebih dekat terhadap kajian di atas dapat memberi kesimpulan penting. Natijah-natijah yang diajukan itu berasaskan kepada beberapa andaian utama. Pertama, Syariah itu hanyalah bentuk zahir satuan nas-nas wahyu. Akan tetapi kefahaman dan penafsiran terhadap wahyu yang dilakukan oleh para ulama Syariah menerusi prosedur dan cara-cara yang sahih bukan Syariah yang sebenar. Mereka hanya mempunyai “*sifah shar’iyah*” atau semacam Syariah sahaja. Juga, hukum yang dihasilkan menerusi cara *istinbat* berasaskan kepada wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah tidak boleh dianggap sebagai hukum Syarak. Mereka hanyalah sebahagian daripada *al-fiqh al-Islāmī*. Tetapi kita tidak mendapat penjelasan memuaskan apakah ketetapan hukum *ijtihādī* itu –dan majoriti hukum-hakam Syariah termasuk kategori ini –masih perlu ditaati dan diikuti, padahal mereka sudah dinilai hanya sebagai hukum *fīqhī* dan bukan hukum Syariah.

Dalamuraian yang diberikan berlaku suatu kesukaran luar biasa untuk mempertahankan gagasan hukum *ijtihādī* atau *fīqhī* bukan termasuk kategori hukum Syariah.

Hipotesis kedua, perubahan Syariah bererti berlakunya pertukaran daripada rangka wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah kepada rangka bukan wahyu. Oleh itu perubahan adalah suatu pelanggaran berat terhadap asas metodologi Syariah itu sendiri. Kajian ini tidak mengakui kemungkinan perubahan hukum dari suatu ketetapan hukum Syariah kepada ketetapan hukum Syariah lainnya. Jadi, tesis ketetapan (*al-thabāt*) dan keuniversalan Syariah menjadi suatu kepastian.

Daripada huriaian di atas nampak bahawa bentuk zahir teks wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan paksi penilaian dan asas hujah perdebatan. *Zāhir al-nusūs* di sini diletak dalam susunan hirarki mengatasi *maqāṣid al-Shari'ah*. Dalam pandangan pendekatan hukum seperti ini kemungkinan berlakunya konflik antara *nas juz'i* dengan elemen-elemen *maqāṣid al-Shari'ah* adalah tinggi, dan selalunya *nas juz'i* itulah yang lebih diutamakan sebagai pertimbangan penetapan hukum. Sehingga memberi imej seolah-olahnya hukum Syarak langsung tidak memberi ruangan bagi interaksi bersepadu antara wahyu dan fakta-fakta sosial dan antara *khitab Allah s.w.t* dan *af'al al-Mukallafin* dimana kedua-dua unsur itu dirangkumi dalam takrif hukum *shar'i* itu sendiri.

Sebagai kelanjutan pemeriksaan lebih khusus dan terperinci terhadap isu di atas, tesis mengenai "Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam" ini berusaha menyelaraskan antara *nusūs juz'iyah* dengan *maqāṣid al-Shari'ah*; antara wahyu dan perkembangan kemaslahatan manusia. Adalah diharapkan tesis ini boleh menyumbang kepada usaha

membawa nilai-nilai wahyu itu ke bumi nyata dengan asas yang kukuh dan menjadi bahagian tidak boleh dipisahkan daripada dinamika kehidupan masyarakat insani.